

MEMO

Tarikh : 25 November 2020

Kepada : Y.Bhg. Dato' Abdul Latif Hj. Abu Seman
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Daripada : Jerry Shahnizal Ab Aziz
Pengurus
Unit NCS, PCD

Disokong oleh : Encik Zahid Ismail
Timbalan Ketua Pengarah
MPC

Tajuk : Memohon kelulusan untuk memproses Borang Permohonan Perolehan bagi Pembayaran kepada Pembekal untuk Insentif Projek Peningkatan Daya Saing Melalui Adaptasi Behavioural Insights Di Kalangan Pelajar Berkenaan Kepentingan Pembelajaran Peringkat Tinggi

Assalamualaikum.

Y.Bhg. Dato',

Merujuk saya kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Unit NCS, PCD sedang melaksanakan Projek Peningkatan Daya Saing Melalui Adaptasi Behavioural Insights Di Kalangan Pelajar Berkenaan Kepentingan Pembelajaran Peringkat Tinggi. Projek ini berada di peringkat akhir penyediaan laporan akhir. Dari segi statistik, sejumlah 31 buah sekolah telah menyertai projek ini dengan 4,784 responden terdiri daripada 1,904 pelajar, 1,160 alumni, 1,310 ibu bapa dan 410 guru.

3. Untuk makluman YBhg Dato', eRO telah diisi untuk permohonan insentif kepada sekolah di atas sokongan dan penglibatan mereka di dalam projek ini dari segi sumbangan input-input bernilai untuk penyediaan laporan akhir. Insentif yang telah dipersetujui bersama dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia adalah hand sanitizer dan face mask memandangkan keadaan terkini pandemik Covid-19 dan bagi memastikan pembelajaran berterusan dapat dilaksanakan serta pembangunan modal insan/bakat dapat diteruskan.

4. Namun di atas saranan dari pihak Perolehan dan Pengarah Pentadbiran serta ahli-ahli BOM untuk semakan semula permohonan ini, maka kertas BOM baharu dihantar pada 20/11/2020 dan kelulusan diperolehi dari pihak BOM pada 24/11/2020 (Bil 1013/2020).


5. Sehubungan dengan itu, kami dengan rendah hati ingin memohon pertimbangan YBhg. Dato' untuk meluluskan permohonan baharu ini bagi membolehkan kami mengisi semula eRO bagi tujuan pembayaran kepada pembekal. Segala perhatian dan pertimbangan YBhg. Dato' dalam perkara ini kami ucapkan berbanyak terima kasih.

Dipohon oleh:



.....
(JERRY SHAHNIZAL AB AZIZ)
PENGURUS
UNIT NCS, PCD

Disemak oleh:




.....
(MOHAMAD MUZAFAR ABDUL HAMID)
TIMBALAN PENGARAH UNIT NCS,
PCD

Disokong oleh:



.....
(ZAHID ISMAIL)
TIMBALAN KETUA PENGARAH
MPC

Diluluskan oleh:



.....
(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)
KETUA PENGARAH
MPC